

81 LEPASAN STPM SMK LABUAN BERJAYA KE UNIVERSITI



Labuan, 25 Ogos – Seramai 81 orang daripada 136 calon STPM 2019 Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui keputusan yang diumumkan baru-baru ini.

Pencapaian ini merangkumi 59.6 peratus daripada jumlah calon STPM 2019 dan jauh lebih baik daripada pencapaian pada STPM 2018 iaitu 46.4 peratus (sebelum rayuan) dan 52.2 peratus (selepas rayuan).

Dijangka lebih ramai pelajar akan mendapat tempat selepas rayuan dan peratus akan melebihi 60 peratus.

Pelajar-pelajar ini telah ditawarkan kesembilan buah universiti iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) (seorang), Universiti Malaysia Sabah (UMS): 50 orang, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS): lima orang, Universiti Teknologi MARA (UiTM) : 13 orang, Universiti Malaysia Kelantan (UMK): tiga orang, Universiti

Pendidikan Sultan Idris (UPSI): empat orang, Universiti Malaysia Terengganu (UMT): seorang, Universiti Sains Malaysia (USM): tiga orang dan Universiti Malaya juga seorang.

Empat pelajar cemerlang STPM 2019 yang mendapat PNGK 3.92 juga telah mendapat tawaran masing-masing.

Mereka ialah Eleena Yeo Sui Mee, Perniagaan Antarabangsa (Kewangan Antarabangsa) dengan Kepujian, UMS; Aaron Lau Jiaxiang, Perniagaan Antarabangsa (Kewangan Antarabangsa) dengan Kepujian, UMS; Irham Zulhilmi Mohd Johan, Teknologi Seni Visual dengan Kepujian, UMS; dan Siti Salbiah Mohd Yussof, Sejarah, Universiti Malaya.



CEMERLANG: Pelajar cemerlang STPM 2019 (dari kiri) Eleena Yeo Sui Mei, Aaron Lau Jiaxiang, Irham Zulhilmi Mohd Johan, Siti Salbiah Mohd Yussof.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah menyatakan rasa gembira dengan peningkatan ketara ini.

Katanya, peningkatan setiap tahun bermakna Wilayah Persekutuan Labuan akan mempunyai golongan professional

yang semakin ramai setiap tahun.

"SMK Labuan sangat gembira kerana dapat menyumbang kepada perubahan struktur sosial di WP Labuan dengan melahirkan golongan intelek yang diharapkan akan menjadi pemangkin kepada kemajuan pulau Labuan yang dicintai ini," katanya.

Encik Ismail merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan yang bersungguh-sungguh mendidik dan membimbing pelajar-pelajar hingga berjaya.

SELAMAT BERSARA CIKGU AMIN



Labuan : Seluruh warga SMK Mutiara mengucapkan selamat bersara kepada Cikgu Mohd Aminuddin bin Haji Abdul Malek, yang bersara wajib pada 18 Ogos 2020 yang lalu setelah menyumbang bakti khidmat cemerlang selama lebih 38 tahun dalam arena pendidikan.

Jawatan terakhir yang disandang beliau ialah Pengawai Meja Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan W.P Labuan yang bertanggungjawab sepenuhnya mengurus Unit Pasukan Badan Beruniform (PBB), Unit Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Unit Koakademik Bahasa Inggeris.

Beliau yang lebih mesra dengan panggilan Cikgu Amin terkenal dengan sikap proaktif dalam menjalankan tugas sehingga begitu dikenali di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau pernah mendapat pengiktirafan sebagai Tokoh Guru KRS Kebangsaan pada tahun 2013.



Cikgu Amin menyampaikan ucapan ringkas sempena lawatan perpisahan di SMK Mutiara

Selain itu, Cikgu Amin juga pernah diberi kepercayaan memegang jawatan Pengerusi Teknik Dan Pembangunan Sukan Catur Majlis Sukan Sekolah Malaysia selama 15 tahun dari 2004 hingga 2018.

Di peringkat negeri, Cikgu Amin sangat terkenal dengan ketegasan dalam mengurus persatuan-persatuan dan unit beruniform termasuk Kadet Remaja Sekolah (KRS), Kadet Bomba dan Pengakap.

Pasukan STEM negeri juga berjaya muncul naib johan peringkat kebangsaan pada tahun 2019 di bawah kendalian beliau bersama-sama Cikgu Hisyam dan Cikgu Angela Joseph.

Pencapaian tersebut hanyalah sebahagian kecil daripada sumbangan besar beliau dalam bidang pendidikan di wilayah ini.

Malah sumbangan beliau menjangkau tugas hakiki dengan mengambil inisiatif memperkenalkan sistem STAR headcount yang bersifat akademik yang telah memberi manfaat kepada banyak sekolah di dalam dan luar Labuan.

SMK Mutiara berasa sangat berbesar hati menerima kunjungan rasmi terakhir beliau ke sekolah ini pada Selasa lalu. Beliau melapor diri di SMK Mutiara pada tahun 1996 sebagai tempat bertugas pertamanya di Labuan apabila berpindah daripada tanah besar Sabah.

Rombongan beliau ke SMK Mutiara tepat jam 9.00 pagi telah disambut oleh pengetua sekolah bersama 7 orang guru yang pernah berkhidmat bersama-sama beliau di SMK Mutiara yang dahulunya dikenali sebagai SMK Membedai. Mereka termasuk Cikgu Hisyam Abdul Aziz, Cikgu Teo Geok Lin, Cikgu Mary Bong, Cikgu Kim Non Chong Keat dan Cikgu Lee Hoi Tho. Selain itu, Encik Aspan Ngadi yang bertugas sebagai Pembantu Am sekolah turut sempat berkhidmat bersama-sama Cikgu Amin.

Dalam satu majlis ringkas, Cikgu Amin telah menandatangani buku lawatan di ruang legar blok B sekolah sambil disaksikan oleh pegawai-pegawai JPN yang mengiringi beliau yang diketuai oleh Tuan Haji Abdul Rahman Ahmad, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid (SPM).



Ketibaan rombongan Cikgu Amin disambut oleh Pengetua dan guru-guru SMK Mutiara



Cikgu Amin menyampaikan ucapan ringkas sempena lawatan perpisahan di SMK Mutiara

Dalam ucapan ringkasnya, Cikgu Amin mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan kepada beliau selama beliau bertugas di Labuan.

"Saya sedia menawarkan bantuan tenaga dan kepakaran jika diperlukan dalam tempoh persaraan saya jika diperlukan oleh pihak sekolah dan jabatan. Sekali

bergelar guru, gurulah selamanya” ujar beliau lagi.

Sejurus selepas itu, sesi penyampaian cenderamata kenangan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih pihak sekolah terhadap komitmen beliau sepanjang perkhidmatan di SMK Mutiara.

Turut hadir di dalam majlis ringkas tersebut ialah Puan Roslaniah Zainal, Penolong Kanan Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI), Encik Fadhil, Kaunselor Negeri dan Encik Hasbollah Amit, KPP Unit Pembangunan Bakat Murid.



Jasamu sentiasa dikenang hingga akhir hayat. Terima Kasih Cikgu Amin



Cikgu Amin bergambar kenangan bersama Pengetua Encik Nizam.

**Sekolah-Sekolah Pencapaian
Lulus 100% Bahasa Melayu**

SPM 2019 Berkongsi Kejayaan



Labuan, 18 Ogos – Pasukan Task Force Bahasa Melayu SPM Jabatan Pendidikan WP Labuan telah memberi ruang kepada sekolah-sekolah yang mencapai kejayaan lulus 100% SPM 2019 berkongsi pengalaman dalam satu perjumpaan pada **17 Ogos 2020** bertempat di Bilik Mesyuarat SMK Pantai.

Guru-guru yang kini mengajar Tingkatan 5 tahun 2020 dari sekolah SM St Anne, SM St Anthony, SMK TP Bedaun, SMK Ranche-Ranche dan SM Sains telah berkongsi intervensi dan pengalaman suka duka mereka membimbing murid sehingga ke minit-minit terakhir sebelum anak-anak murid tersayang masuk ke dewan peperiksaan.

Banyak inovasi dan intervensi yang boleh dijadikan rujukan dan juga diaplikasikan mengikut kesesuaian oleh sekolah-sekolah lain.

Turut hadir sama dalam majlis perkongsian ini ialah Pengerusi Bersama Task Force Bahasa Melayu iaitu Puan Norazita Md Nor (Pengetua SMK Pantai) dan En Yahya Ahmad Puteh (Pengtua SMKRR), Puan Amiah binti Bua, Ketua

Penolong Pengarah Bahasa serta Puan Hjh Siti Zahara Mohamad, SISC+ dari Sektor Pembelajaran JPWPL.



Encik Yahya sedang memberi suntikan semangat kepada para guru-guru

Dalam ucapan penyuntik semangat, En Yahya Ahmad Puteh menekankan usaha serta komitmen tinggi semua pihak.

"Task Force Bahasa Melayu ini sangat bernilai kerana ia akan menjadi salah satu pencetus & penentu Layak Sijil anak-anak murid kita bagi SPM 2020"

Apa yang dapat dirumuskan dari sesi perkongsian ini, perkara paling utama ialah sentuhan dari hati ke hati guru kepada murid, motivasi pengetua kepada guru dan pemberian ganjaran yang akhirnya berjaya membakar semangat untuk lulus dalam peperiksaan.

Perkongsian ini juga berjaya menanam semangat juang dalam diri guru-guru khususnya Guru-guru Bahasa Melayu. Semoga SPM 2020 akan membuahkan kejayaan lulus 100% bagi semua sekolah di WP Labuan. Usaha tangga kejayaan.

Berita Oleh : Sektor Pembelajaran

Lapan Guru dan Seorang PKP SMK MUTIARA Terima APC 2019



Labuan, 17 Ogos – Seramai 8 guru dan seorang Pegawai Khidmat Pelaksana (PKP) SMK Mutiara menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun perkhidmatan 2019 pada Sabtu lalu. Mereka ada sebahagian daripada 120 penerima APC pada tahun ini.

Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah diadakan di sebuah hotel di pusat bandar. Seramai 170 hadir dalam majlis tersebut terdiri daripada penerima APC , pegawai-pegawai jabatan pendidikan, para pengetua dan guru besar serta pihak media.

Encik Raisin bin Saidin, Timbalan Pengarah Kanan, Sektor Perancangan dan Pengoperasi BPSH yang juga mantan Pengarah Pendidikan W.P. Labuan telah hadir merasmikan majlis tersebut.

Dalam ucapannya, Encik Raisin Saidin menyeru agar semua penerima APC meneruskan momentum kecemerlangan dan sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutamanya dalam era pendigitalan ini.

“Jadilah benih yang baik, walau tercampak di manapun kita tetap akan tumbuh. Berusaha bersungguh-sungguh mendidik anak bangsa kerana kemenjadian mereka bergantung kepada bimbingan guru. Jadikan diri kita sebagai orang yang tepat dan ditunggu-tunggu kehadirannya oleh mana-mana organisasi” tegas beliau lagi.

Lapan guru SMK Mutiara yang menerima APC 2019 ialah Puan Roslaniah Zainal, Cik Lim Shok Ing, Puan Norika binti Mohd Nor, Puan Maslinda binti Mat Jan, Puan Fadillah Awang, Cik Siti Khadijah binti Mohd Razali, Cik Zulrida binti Ismail, dan Encik Adrien Chew. Manakala seorang lagi ialah Puan Dayang Masnah binti Garasing yang bertugas sebagai pembantu makmal.



Pengetua bersama sebahagian daripada penerima APC 2019
Salah seorang penerima, Puan Norika binti Mohd Nor
menyifatkan anugerah ini sebagai satu pengiktirafan dan
pembakar semangat baginya untuk terus menyumbang khidmat
bakti cemerlang pada masa-masa akan datang.

Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim turut
hadir meraikan kejayaan guru-guru SMK Mutiara memperoleh
APC pada tahun 2019.

Beliau mengucapkan tahniah atas kejayaan mereka dan
berharap mereka terus cemerlang menggalas amanah, memikul
tanggungjawab bersama-sama meletakkan SMK Mutiara sebaris
dengan sekolah-sekolah yang lain.

Berita Oleh : SMK Mutiara

**“Jadilah seperti benih yang
baik”**

**MAJLIS ANUGERAH APC 2019
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN.**



Labuan, 17 Ogos – “Jadilah seperti benih yang baik, kalau di campak ke darat menjadi gunung dan jika dicampak ke laut menjadi pulau”. Encik Raisin bin Saidin, Timbalan Pengarah Kanan, Sektor Perancangan dan Pengoperasian Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Encik Raisin Saidin ketika berucap merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Sabtu lalu.

Beliau berkata pegawai yang cemerlang akan sentiasa berusaha mencari inisiatif untuk menambah baik proses kerja yang bukan hanya berjaya mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI), malah melangkaui ekspektasi pemegang taruh iaitu murid dan juga masyarakat setempat.

“Bagi saya penerima Anugerah Khidmat Cemerlang ini merupakan antara tangan yang berjaya membentuk keperibadian murid sehingga menjadi insan berguna

kepada agama, bangsa dan negara."



Encik Raisin Saidin

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Puan Khaziyati binti Osman mengucapkan syabas dan tahniah kepada penerima anugerah APC 2019.

Beliau berkata kecemerlangan yang telah ditunjukkan pada tahun 2019 perlu dipertingkatkan dengan nilai tambah dan "WOW Factor". Puan Khaziyati menekankan tentang 8 prinsip kerja Pengarah yang diakronimkan sebagai OBEDIENT untuk

diserapkan dalam karakter kerja buat warga pendidikan di Labuan.

OBEDIENT membawa maksud **O**utcome based, **B**elieve, **E**fficient, **D**ata Driven, **I**nnovative and Creative, **E**ffective, **N**ow, **T**hinker.

Seramai 120 orang warga Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan 7 orang dari Kolej Vokasional W.P Labuan menerima APC 2019 yang berlangsung di salah sebuah hotel di Labuan.



Encik Raisin Saidin menyampaikan sijil APC kepada Ustaz Azwan (SK Sungai Bedaun) sambil diperhatikan oleh Puan Khaziyati (kanan), Tuan Haji Abdul Rahman (kiri) dan Puan Cornelea (2 kanan)

Foto Oleh : Mohd Firlil Firzuan Lee

SMK Mutiara Terima Kunjung

Bantu Sektor Pembelajaran



Labuan – Seramai 9 pegawai daripada Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah membuat sesi kunjung bantu dan konsultasi ke SMK Mutiara pada Jumaat lalu.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Unit Teknologi dan Vokasional Encik Mohd Al-Ghaffar bin Mohamad Maidin telah memulakan sesi kunjung bantu secara kaunter terbuka bermula jam 8.30pagi.

Menurut Encik Al-Ghaffar, sesi kunjung bantu ini melibatkan beberapa aspek bimbingan iaitu susunan jadual waktu dalam tempoh PKPP, penjajaran semula Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan penjajaran semula kurikulum. Selain itu, bimbingan pedagogi dan pengurusan panitia turut menjadi fokus bimbingan.

“Kita bertanggungjawab memastikan pembelajaran di sekolah berjalan lancar walaupun dalam tempoh PKPP. Cabaran sudah pasti berbeza namun kurikulum pembelajaran mesti disampaikan kepada murid terutamanya calon-calon tingkatan 5 yang bakal menghadapi peperiksaan SPM tidak lama lagi” katanya lagi.



Dr. Hyginus dan Puan Siti Zaharah, SISC+ bahasa sedang menjelaskan penjajaran semula kurikulum kepada Cikgu Siti Khadijah



Cikgu Mary Bong dibimbing oleh SISC+. Cik Juraidah Aman Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim mengalulkan kehadiran dan bimbingan yang dibuat oleh pegawai-

pegawai daripada SPb.

"Semua guru perlu mengambil peluang ini untuk mendapatkan maklumat, nasihat dan bimbingan berkaitan bidang tugas masing-masing. Semoga dengan bimbingan ini guru-guru SMK Mutiara dapat meningkatkan kualiti penyampaian terutamanya dari aspek pedagogi di dalam bilik darjah" tambah beliau lagi.

Pegawai-pegawai Sektor Pembelajaran turut dibawa untuk melawat ke bilik-bilik darjah. SISC+, Dr. Hyginus Junior Lee melahirkan rasa gembira kerana sepanjang pemerhatiannya semua guru dan murid menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dalam suasana yang harmoni walaupun dalam tempoh PKPP.

Berita Oleh : SMK Mutiara



Pengetua (tengah) sedang berbincang dengan Puan Siti Zahara



Pembentangan Penetapan KPI Pencapaian Bahasa Melayu dan Sejarah SPM 2020 Membuka Peluang Perkongsian Antara Sekolah



Labuan, 14 Ogos – Pencapaian Layak Sijil SPM merupakan satu agenda penting dalam pendidikan di peringkat menengah. Pencapaian ini akan menentukan halatuju murid-murid terutamanya untuk membolehkan mereka menyambung pelajaran ke peringkat tertier.

Menyedari hakikat ini, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah menganjurkan taklimat pembentangan dan penetapan KPI bagi dua mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan SPM tahun 2020 pada Rabu dan Khamis lepas.

Taklimat yang telah dihadiri oleh pengetua-pengetua dan guru-guru mata pelajaran berkenaan telah diadakan di Bilik Kiamsam, Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) Sungai Lada.

Semua pengetua sekolah termasuk dari Kolej Vokasional telah membentangkan tahap pencapaian semasa (TOV), peningkatan sasaran operasi (OTI), prestasi sebenar (AR) dan sasaran jangkaan prestasi (ETR) bagi kedua-dua mata pelajaran berkenaan.



Guru-guru yang hadir taklimat Sesi pembentangan yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Encik Yusup bin Mohamad turut membincangkan secara terperinci murid-murid yang dikategorikan sebagai GALUS dan intervensi-intervensi yang bakal dilaksanakan bagi membantu murid berkenaan.

“Murid-murid GALUS perlu dibimbing dengan cara yang berbeza dengan murid-murid yang lain. Ramai dalam kalangan mereka terdiri daripada golongan B40 dan perlu diberi bantuan dari aspek jatidiri, motivasi dan kewangan” kata beliau.

Menurut beliau lagi, pengetua dan guru mesti mencari kaedah terbaik menyentuh hati murid-murid GALUS kerana kesediaan mental mereka adalah sangat penting sebelum pengisian pembelajaran.

YDP MPSM LABUAN, Encik Ismail Abdullah yang juga Pengetua SMK Labuan menyifatkan pembentangan ini telah membuka peluang perkongsian antara sekolah-sekolah menengah terutamanya dari aspek perancangan intervensi yang bersesuaian bagi sekolah masing-masing.

“Pihak sekolah mungkin boleh mengubahsuai dan

menambahbaik intervensi yang dilaksanakan di sekolah lain berdasarkan keperluan sekolah masing-masing. Keutamaan kita ialah memastikan semua murid di wilayah ini layak mendapat sijil SPM dengan lulus dalam dua mata pelajaran utama iaitu Sejarah dan Bahasa Melayu” ujar beliau lagi.

Selepas sesi pembentangan, Encik Yusup telah merumuskan bahawa setiap sekolah perlu merancang dan melaksanakan intervensi berdasarkan situasi sekolah masing-masing. Keberkesanan intervensi perlu diukur secara objektif dengan lebih kerap tanpa perlu menunggu keputusan ujian atau peperiksaan.



Encik Yusup mempengerusikan Taklimat Penetapan KPI Mata Pelajaran

Beliau turut meminta pihak sekolah membuat perkongsian amalan terbaik intervensi yang telah menampakkan kesan dalam pembentangan akan datang yang turut melibatkan Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Puan Khaziyati binti Osman.

Turut hadir dalam taklimat pembentangan kali ini ialah

pegawai-pegawai dari Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan W. P. Labuan termasuk SISC+.

SMK MUTIARA Pengerusikan Bengkel Task Force Pendidikan Islam SPM 2020



Labuan – Sebagai satu usaha meningkatkan prestasi mata pelajaran di dalam peperiksaan SPM tahun ini, Jabatan Pendidikan Labuan telah mengaktifkan pasukan Task Force bagi setiap mata pelajaran utama di peringkat negeri. SMK Mutiara telah diberi tanggungjawab untuk menerajui task force mata pelajaran Pendidikan Islam.

Bengkel pertama telah diadakan pada 10 Ogos 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat SMK Mutiara dihadiri oleh semua ketua panitia Pendidikan Islam sekolah menengah di W.P. Labuan. Bengkel itu telah dipengerusikan oleh pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim. Ketua

Penolong Pengarah (KPP) Sektor Pendidikan Islam, Puan Hajjah Kamariah Salim turut hadir dalam bengkel tersebut.

Dalam ucapan aluan, Encik Mohd Nizam menekankan kepentingan pendidikan agama Islam dalam kehidupan seharian murid-murid dan bukan hanya kepada pencapaian di dalam peperiksaan semata-mata.

"Pencapaian lulus dalam SPM berada dalam sekitar 89% daripada 710 calon pada tahun 2019 dan ini bermakna terdapat 70 hingga 80 orang murid-murid kita tidak dapat menguasai perkara-perkara asas dalam pendidikan Islam. Justeru peranan kita menjadi lebih kritikal bagi memastikan setiap murid muslim menguasai fardhu ain yang menjadi asas kehidupan kita " katanya lagi.

Dalam bengkel kali ini turut diadakan perkongsian amakan terbaik daripada Ustazah Lihah binti Amat dari SMK Labuan dan Ustazah Lily Ekmyanti dari SM Sains Labuan. Sekolah-sekolah ini telah berjaya meningkatkan pencapaian dari segi peratus lulus dan cemerlang dalam SPM 2019.

Dalam pembentangannya, Ustazah Lihah telah menekankan aspek penguasaan kemahiran jawi dan kaedah mengingat fakta mudah melalui akronim untuk membantu murid-murid yang lemah untuk lulus dalam SPM.

Manakala Ustazah Lily Elmyanti binti Kastor, dari SM Sains Labuan memberi fokus untuk pencapaian cemerlang dalam kalangan murid-murid sekolah berasrama penuh. Antara amalan terbaik yang digunakan ialah penggunaan modul Latih Tubi Soalan soalan SPM lepas dan Modul Latih tubi bagi tajuk tajuk sukar selain motivasi berterusan kepada pelajar lemah serta teknik menjawab yang terbaik.

Ustaz Syahir dari Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah dilantik sebagai pegawai meja bagi Jawatankuasa ini. Di samping itu, Ustazah Siti Sarah

binti Abdul Majid dari SMK Mutiara telah dilantik sebagai setiausaha bagi memudahkan penyelarasan aktiviti di peringkat negeri.

Antara aktiviti yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan pada tahun ini ialah Peningkatan kompetensi guru-guru Pendidikan Islam termasuklah kemahiran menanda kertas jawapan pelajar, kemahiran tulisan jawi dan juga PLC penghasilan koleksi kaedah mudah Pdp untuk membantu murid-murid yang lemah.

Di akhir bengkel, Puan Hajjah Kamariah turut mengumumkan sejumlah peruntukan setiap sekolah bagi membiayai aktiviti-aktiviti yang melibatkan murid.

Berita Oleh : SMK Mutiara

SPI Anjur Bengkel Pembangunan Program ADNI : Inisiatif Program Murid Secara Dalam Talian



Labuan, 06 Ogos – Bengkel Pembangunan Program Adab dan Nilai (ADNI) anjuran Sektor Pendidikan Islam (SPI) berlangsung dengan jayanya petang tadi di Bilik Benua, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Negeri (SSTP).

Bengkel ini dikendalikan oleh Ustaz Sahrum Bin Samlan, Penolong Pengarah Pembangunan Adab dan Nilai, Sektor Pendidikan Islam, JPWPL dihadiri oleh 26 orang penyelaras ADNI sekolah rendah dan menengah di wilayah ini.

Menurutnya, pada tahun ini semua Pertandingan di bawah Pembangunan Program Adab dan Nilai tetap dilaksanakan seperti biasa namun dalam suasana yang berbeza iaitu secara dalam talian untuk mengekang penularan wabak pandemik Covid-19 dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

“SPI telah melaksanakan Pertandingan Daie Cilik dan e-Hafazan secara dalam talian semasa Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam bulan Ramadan yang lalu sempena Program Gempak Ramadan. Peserta begitu bersemangat menunjukkan bakat dan kreativiti mereka ketika membuat persembahan.”

“e-pertandingan yang dianjurkan oleh pihak sekolah merupakan saluran yang memberi ruang kepada murid-murid untuk mengasah bakat dalam meningkatkan potensi dan sahsiah mereka bagi memenuhi tuntutan rohani melalui acara-acara yang disertai”. Katanya lagi.



Ustaz Sahrum Samlan sedang menyampaikan taklimat berkaitan e-Pertandingan Program ADNI.

Antara pertandingan yang akan dilaksanakan untuk sekolah rendah ialah Tarannum Siber, Khat Siber, e-Daie Cilik, e-Kalam ‘Arabiyy’, e-Hafazan Al-Quran, e-Nyanyian Solo Lagu Kerohanian.

Manakala pertandingan di peringkat sekolah menengah pula ialah **Tarannum Siber, Khat Siber, Daie Siber, e-Kalimatus Sobah, e-Hafazan Al-Quran, e-Nyanyian Solo Lagu Kerohanian, e-Pertandingan Deklamasi Sajak Kemerdekaan dan Syair Bertemakan Adab & Nilai (Kategori Murid).dan e-Pertandingan Qiraatus Sab’ie Bit Tarannum.**

Terdapat 3 pertandingan yang dilaksanakan secara sidang video (*video conference*) iaitu **e-Hafazan Al-Quran, e-Pertandingan Qiraatus Sab’ie Bit Tarannum dan e-**

Pertandingan Tahfiz Al-Quran.



Sesi perbincangan dalam kumpulan untuk membincangkan pelaksanaan e-pertandingan

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam, Ustazah Kamariah Binti Salim mengharapkan agar pertandingan secara atas talian ini mendapat sambutan daripada peserta.

“Meskipun kita berada dalam Fasa Pemulihan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPP), namun pertandingan program ADNI masih diteruskan dalam suasana normal baharu yang memberi ruang kepada lebih ramai peserta untuk menyertainya dan melayakkan mereka menerima sijil penyertaan sama ada di peringkat sekolah mahupun negeri”. katanya semasa menyampaikan ucapan dalam bengkel tersebut.

Beliau berkata, melalui e- pertandingan yang akan dilaksanakan ini, ibu bapa boleh menghantar rakaman video terbaik melalui acara yang disertai oleh anak-anak mereka kepada pihak sekolah. Penghantaran rakaman video kepada pihak sekolah boleh dilakukan sehingga 20 Ogos ini bagi

memberi ruang masa yang cukup untuk murid membuat rakaman dan persiapan bagi acara yang disertai.

“Kita faham bahawa tidak semua ibu bapa dapat menyediakan rakaman video untuk acara yang disertai oleh anak-anak mereka. Justeru, pihak sekolah melalui guru penyelaras bestari bolehlah membantu dalam proses rakaman tersebut”. Katanya lagi.



Ustazah Kamariah Salim menyampaikan ucapan dalam bengkel ADNI.

Penjurian juga berbeza daripada tahun lalu kerana peserta akan diberikan gred pencapaian bagi menggambarkan prestasi peserta iaitu platinum (90 – 100%), Emas (80-89%), Perak (65-79%) dan Gangsa (50-64%).

Bagi e-pertandingan di peringkat negeri akan diadakan mulai 21 Ogos hingga 11 September. Pihak sekolah perlu menghantar penyertaan melalui *google form* beserta pautan video terbaik bagi setiap acara yang dipertandingkan. Manakala pertandingan di peringkat kebangsaan pula akan diadakan pada 12 hingga 30 September.

Dalam bengkel tersebut turut diadakan latihan membina *google form* bagi menggantikan borang pendaftaran pertandingan, cara penghantaran video dan simulasi e-pertandingan hafazan.

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam



Sebahagian daripada ustazah yang hadir sedang membuat praktikal melalui telefon bimbit pelaksanaan e-Pertandingan



Peserta bengkel begitu khusyuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh Ustaz Sahrum.

PEKDIS Labuan Anjurkan Korban Berkelompok Di SKSB



KORBAN Berkelompok Anjuran Pertubuhan Kebajikan Dakwah Islamiah (PEKDIS) Cawangan Labuan telah disempurnakan dengan jayanya pada 1 Ogos lalu di Lapangan Korban Sekolah Kebangsaan Sungai Badaun (SKSB).

Sebanyak tiga ekor lembu telah dikorbankan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengekang penularan wabak pandemik Covid-19 dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Ibadah korban pada tahun ini berbeza dengan tahun lalu kerana mengikut SOP dan tiada aktiviti masak-memasak seperti kebiasaan dilakukan.


Program ini dilakukan seawal jam 7.00 pagi yang diketuai oleh Imam Masjid Sungai Badaun, Tuan Hj Sahrum bin Samlan dengan dibantu oleh Ustaz Mohd Syahir Bin Mohd Yusoff yang juga merupakan Penolong Pengarah di Sektor

Pendidikan Islam, ahli PEKDIS dan warga pendidikan di Labuan.

Program Korban Berkelompok merupakan inisiatif PEKDIS dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) untuk mendekati masyarakat, memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga Pendidikan selain dapat meraikan golongan kurang berkemampuan dan wajar diberi perhatian.



Bersiap sedia untuk sembelihan korban



Dari kiri Ustaz Sahrum, Encik Yusup, Cikgu Kudat, Ustaz Satalmizi, Ustaz Abdul Rahman (duduk) bergambar bersama lembu korban.



Peserta dan petugas korban bergambar kenangan bersama Puan Dg Sarifah (lima dari kiri) dan Puan Kamariah (empat dari kiri)

Menurut Yang Dipertua PEKDIS Cawangan Labuan Puan Kamariah binti Salim, PEKDIS sentiasa prihatin terhadap golongan yang memerlukan dan sangat menekankan aspek perkongsian manfaat kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Beliau berkata, inisiatif ini merupakan platform utama bagi menjalankan aktiviti yang memberi impak dalam kehidupan masyarakat di samping memupuk semangat kerjasama dalam kalangan warga pendidikan bersama masyarakat setempat.

“Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha, PEKDIS mengambil keberkatan dengan melaksanakan Program Ibadah Korban Berkelompok bersama-sama warga SKSB dengan menjalankan aktiviti gotong-royong penyembelihan dan agihan daging korban kepada anak-anak asnaf di sini” katanya.

Sementara itu Penyelaras Program Korban PEKDIS Ustaz Mohd Syahir berkata, bagi memastikan kelancaran program pihak urus setia sentiasa menitik beratkan garis panduan prosedur operasi standard (SOP) ibadah korban sebagaimana yang disarankan kerajaan bagi mencegah penularan wabak

Covid-19.

"Pihak penganjur turut menyediakan kaunter saringan kesihatan di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan 60 orang petugas, memastikan pemakaian pelitup separuh muka serta merekod kehadiran melalui aplikasi MySejahtera atau mencatat nama secara manual." ujarnya.



Petugas sibuk menghiris, menimbang dan membungkus daging korban untuk diagih-agihkan kepada asnaf, peserta dan petugas korban.



Sebahagian daripada peserta dan petugas bergambar bersama Encik Yusup (tiga dari kanan), Puan Dg.Sarifah (tengah) dan Puan Kamariah (empat dari kiri)

Aktiviti Ibadah Korban dibenarkan di semua masjid, surau dan kawasan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama di Wilayah Persekutuan sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Ismail Sabri Yaakob pada 24 Jun lalu dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Turut hadir di dalam program ini Guru Besar SKSB Puan Dg. Sarifah binti A.Mahmod, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad dan pegawai-pegawai daripada JPWPL.

Pengagihan daging korban selesai disampaikan kepada 75 orang asnaf dan anak yatim jam 1.00 tengah hari di dewan sekolah.

PEKDIS Labuan menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak sekolah atas kebenaran melaksanakan ibadah korban di SKSB serta jalinan kerjasama yang sangat baik sepanjang program ini berlangsung. Semoga program ini dapat diteruskan di masa hadapan.

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam



Pendaftaran asnaf untuk pengagihan daging korban.



Puan Kamariah menyampaikan daging korban kepada penerima.



Puan Kamariah (tengah), Puan Dg. Sarifah (kiri) dan Ustaz Sahrum (kanan) menunjukkan daging korban yang diagihkan kepada asnaf secara 'agih lalu' di dewan sekolah



Pegawai-pegawai daripada Sektor Pendidikan Islam, JPWPL bergambar bersama Puan Dg. Sarifah (tiga dari kiri) dan Tn Hj Abdul Rahman (dua dari kiri).